



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN/REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
PENGOPERASIAN LAPANG SASAR GOLF/DRIVING RANGE DI
SEREMBAN INTERNATIONAL GOLF CLUB (SIGC)**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan berhasrat untuk menjalankan pengoperasian lapang sasaran golf / *driving range* yang terletak di **Seremban International Golf Club (SIGC)** beralamat di **Batu 3 ¼ , Jalan Kuala Pilah, 70710 Seremban** melalui kaedah sewaan kepada syarikat yang berminat.

Syarikat yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengoperasian lapang sasaran golf, keupayaan teknikal dan kewangan yang kukuh bagi melaksanakan operasi tersebut berdasarkan syarat-syarat di **Lampiran A** adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan projek (RFP) yang lengkap kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Dokumen tersebut hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos kepada Pentadbiran ini selewat-lewatnya sebelum atau pada **pukul 12.00 tengah hari, 31 Mac 2021 (Rabu)** kepada alamat berikut :

**Unit Kewangan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Tingkat 5, Blok A
Wisma Negeri
Jalan Dato' Abdul Malek
70503 SEREMBAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan dokumen yang dipos dan tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan yang dikemukakan. Untuk sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut berhubung perkara ini boleh menghubungi pegawai berikut :

**Encik Zulhanizam bin Sulaiman
06-765 9308 / 9979
zulhanizam@ns.gov.my**

SYARAT-SYARAT BAGI PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP) PENGOPERASIAN LAPANG SASAR GOLF / DRIVING RANGE DI SEREMBAN INTERNATIONAL GOLF CLUB (SIGC) :

Maklumat asas berkaitan lapang sasaran golf adalah seperti berikut :

LOKASI	INFRASTRUKTUR
Seremban International Golf Club (SIGC) Batu 3 ¼, Jalan Kuala Pilah, 70710 Seremban.	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai 48 bay (tempat memukul bola) • Dua (2) tingkat (24 bay setiap tingkat)

1. Pihak syarikat perlu bersedia menanggung sepenuhnya kos baikpulih dan penyelenggaraan infrastruktur di lapang sasaran tersebut tanpa meletakkan apa-apa kos kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.
2. Sekiranya terdapat cadangan atau perancangan untuk mengubahsuai atau modifikasi ke atas struktur lapang sasaran tersebut, pihak syarikat perlu mendapatkan kelulusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan terlebih dahulu.
3. Pihak syarikat perlu mematuhi syarat-syarat usahasama / sewaan / pajakan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan apabila beroperasi kelak.
4. Tempoh penyewaan adalah selama lima (5) tahun.
5. Segala kos yang terlibat dalam penyediaan dan urusan RFP ini adalah dibawah tanggungan oleh pihak syarikat sendiri.
6. Pihak syarikat adalah bertanggungjawab dan mempunyai inisiatif sendiri dalam melaksanakan kajian terperinci berkenaan cadangan pengoperasian seperti pelan pelaksanaan, cadangan bentuk kerjasama / pulangan tetap kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan dan juga mengemukakan maklumat terkini dan sahih dalam kertas cadangan ini.
7. Hanya pihak berkelayakan dan memenuhi syarat sahaja akan dipanggil bagi proses pemilihan selanjutnya.
8. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan tidak terikat untuk menerima mana-mana permohonan yang dikemukakan serta tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian dan implikasi kewangan yang dialami pihak syarikat berkaitan pelawaan ini.